



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 6 JUN 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	TAMBAH BAIK SISTEM PENGAIRAN, NASIONAL, SH -5 MANFAAT PROGRAM AGROPRENEUR MUDA, NASIONAL, SH -5 GALAK GENERASI MUDA CEBURI PERTANIAN, NASIONAL, SH -5 KERAJAAN SEDIA PERTIMBANG TAMBAHAN SISTEM PENGAIRAN SAWAH PADI, BERITA RTM -ONLINE DEPUTY AGRICULTURE MINISTER VISITS HONEYDEW FARM, NEWS, SIN CHEW DAILY (EAST COAST) -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
6.	PUNCA IKAN 'LEMAS', LOKAL, HM -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9. 10. 11. 12.	40 INISIATIF PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA), BH -2 &39 PENDEKATAN INKLUSIF JANA EKONOMI, PELAN JANA SEMUAL EKONOMI NEGARA, BH -3 INISIATIF DI BAWAH PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA, PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA, SH -3 'MICRO-ENTERPRISES, SMES TO BENEFIT FROM PENJANA'S INITIATIVES', NEWS/NATION, NST -4 SLEW OF INCENTIVES FOR AGRO TO TOURISM SECTORS, NATION/NEWS, NST -7 WARISAN JANJI PERJUANG ISU TANAH KG SG DAMIT, TEMPATAN, HARIAN EKSPRES (KK) -3	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Tambah baik sistem pengairan

Libatkan enam skim penanaman sawah padi di bawah IADA Pekan

Oleh NIK AMIRULMU'MUMIN  
NIK MIN

PEKAN

**K**erajaan sedia mempertimbangkan cadangan menambah sistem pengairan di enam skim penanaman sawah padi di bawah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pekan termasuk menaik taraf infrastruktur itu di Mambang dekat sini.

Infrastruktur pengairan sangat penting seiring dengan perancangan meningkatkan keluasan kawasan penanaman dan musim tanaman kepada dua kali setahun bagi mening-

katkan pengeluaran hasil padi melibatkan Skim Padi Paya Mambang, Pulau Jawa/Pulau Tambun, Ganchong, Pahang Tua, Serandu dan Merchong melibatkan kawasan seluas 7,211 hektar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bagi mencapai matlamat tersebut, infrastruktur sistem pengairan perlu dibina dan dinaik taraf.

Menurutnya, permohonan menaik taraf sistem pengairan berkenaan telah dibuat dan jika diluluskan, ia dapat menampung kawasan baharu yang akan diusahakan dengan tanaman padi terutama di skim penanaman padi Paya Mambang.

"Setakat ini saya difahamkan skim penanaman padi Paya Mambang, Pulau Jawa/Pulau Tambun, Ganchong, Pahang Tua dan Serandu mempunyai sistem pengairan yang mencukupi, manakala di Merchong masih bergantung sepe-



Ahmad (tengah) dibawa menaiki jentera peneual untuk memulakan proses menuai padi di projek skim tanaman padi Paya Mambang dekat Pekan yang bermula kelmarin.

nuhnya kepada air hujan.

"Kita akan lihat langkah sewajarnya supaya skim penanaman padi Merchong yang berkeluasan 4,134 hektar ini juga mempunyai sistem pengairan yang sempurna supaya penanaman dapat dijalankan

dua kali setahun berbanding hanya sekali ketika ini," katanya selepas melawat Projek Sentuhan Felda Chini Timur 2 di sini kelmarin.

Beliau turut menyerahkan borang permohonan Agropreneur Muda kepada dua orang

usahawan tani dari Kampung Mempelas dan Kampung Meragih di sini.

Terdahulu Ahmad melawat skim penanaman padi Paya Mambang di sini yang turut disertai Exco Pertanian, Industri Makanan dan Bioteknologi Pahang, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak.

Ahmad berkata, bagi skim penanaman padi Paya Mambang yang berkeluasan 348 hektar, untuk fasa 1 melibatkan 100 hektar (tanaman padi, manakala sistem pengairan dan infrastruktur lain sudah dibina dan dinaik taraf pada tahun 2017 dengan kos sebanyak RM7.3 juta.

"Difahamkan projek pembinaan dan naik taraf infrastruktur pengairan untuk fasa dua skim penanaman padi paya Mambang telah diluluskan dan diselia Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) melibatkan pembukaan kawasan penanaman baharu seluas 49.8 hektar," kata beliau.

## Manfaat program Agropreneur Muda

**PEKAN** - Dua orang usahawan tani muda di sini menaruh harapan untuk menaik taraf dan mengembangkan lagi bidang pertanian yang diusahakan melalui program Agropreneur Muda.

Khairul Rauf Zaimi, 22, dari Kampung Mempelas berkata, beliau kini mengusahakan kebun sayur dengan tanaman terung dan bendi di atas tanah seluas 0.8 hektar di kampungnya.

Menurutnya, beliau merancang untuk meluaskan lagi kebun sayur tersebut di atas tanah seluas 0.8 hektar lagi untuk meningkatkan pengeluaran hasil tanaman.

"Sekarang ini saya bergantung dengan modal sendiri, jadi agak membebankan untuk mengembangkan lagi tanaman ini.

"Sekiranya ada bantuan daripada kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta

agensi di bawahnya, impian saya ini dapat direalisasikan," katanya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Borang Permohonan Agropreneur Muda sempena lawatan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah di Skim Padi Paya Mambang di sini kelmarin.

Sementara itu, Zakaria Mohd Zuki, 32, dari Kampung Meragih berhasrat untuk beralih daripada kaedah konvensional kepada sistem fertigasi bagi menjamin kualiti sayur-sayuran yang diusahakan.

Beliau kini mengusahakan pertanian dan ternakan di atas tanah seluas 2.4 hektar di kampungnya sejak 10 tahun lalu.

"Saya cuba menyertai program Agropreneur Muda bagi merealisasikan impian untuk membawa bidang pertanian yang saya usahakan ini ke satu tahap yang lebih baik melalui sistem pertanian moden," katanya.



Ahmad (tengah) menyerahkan borang program Agropreneur Muda kepada Zakaria sempena lawatan beliau di Skim Padi Paya Mambang dekat Pekan kelmarin.

## Galak generasi muda ceburi pertanian



Ahmad (kanan) melihat projek penanaman tembikai apollo di bawah Projek Sentuhan Felda Chini Timur 2 dekat Pekan kelmarin.

**PEKAN** - Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah meninjau projek pertanian yang diusahakan di bawah Projek Sentuhan Kasih di Felda Chini Timur 2 di sini kelmarin.

Projek yang ditubuhkan pada April 2013 itu melibatkan seramai 100 peserta dalam kalangan generasi kedua Felda Gugusan Chini.

Sempena lawatan beliau yang turut disertai wakil agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta institusi pembiayaan, mereka dibawa meninjau projek tembikai apollo yang diusahakan peserta menggunakan kaedah pertanian moden.

Projek tersebut turut mengusahakan tanaman cili dan ternakan ikan air tawar dalam tangki.

Ahmad berkata, projek pertanian yang diusahakan peserta Projek Sentuhan Kasih Felda Chini Timur 2 itu membuktikan bidang pertanian juga mampu memberikan pulangan lumayan.

Menurutnya, golongan muda termasuk generasi kedua Felda digalakkan menceburi bidang pertanian dengan merebut peluang yang disediakan pelbagai pihak termasuk agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui khidmat bimbingan, bantuan modal dan sebagainya.

Pada lawatan itu, Ahmad turut menyerahkan benih kelapa matang myd, selain menyempurnakan simbolik penanamannya di pekarangan dewan serbaguna Projek Sentuhan Kasih Felda Chini Timur 2.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2020	BERITA RTM	ONLINE	

## Kerajaan sedia pertimbang tambahan sistem pengairan sawah padi



**KUANTAN, 5 Jun** - Kerajaan sedia mempertimbangkan cadangan menambah sistem pengairan sawah padi di Paya Mambang, Pekan, bagi meningkatkan pengeluaran padi negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata pertambahan itu juga seiring perancangan meningkatkan kawasan sawah kepada 300 hektar berbanding 100 hektar sekarang.

Permohonan menambah sistem pengairan telah dibuat petani terlibat dan ia dapat menampung kawasan baharu yang akan diusahakan.

Usaha membuka lebih banyak sawah padi amat dialu-alukan kerana kadar sara diri negara bagi padi adalah 70 peratus dan pihaknya menyasarkan ia dapat ditingkatkan kepada 75 peratus.

Dalam pada itu ia juga menyediakan peluang pekerjaan dan jaminan pendapatan dari segi memperkukuhkan budaya felda.

Beliau menyatakannya selepas meninjau Projek Sentuhan Felda Chini Timur 2, Pekan

Headline	Deputy agriculture minister visits honeydew farm		
MediaTitle	Sin Chew Daily (East Coast)		
Date	06 Jun 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	8,439
Page No	2	Readership	25,317
Language	Chinese	ArticleSize	196 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 594
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,782



## 瞭解農民作業 副農長參訪蜜瓜園



阿末韩查（右二）在苏菲（左）陪同下，参观阿婆罗蜜瓜种植园



“Sentuhan Kasih”社区计划参与者诺哈米查阿里耶萨（28岁）在阿婆罗蜜瓜种植园内，仔细地进行整理，清除杂叶。

（北根5日讯）农业及食品工业部第一副部长拿督斯里阿末韩查昨天来到彭亨州北根一座阿婆罗蜜瓜（Tembikai Apollo）种植园参观，以了解当地农民作业方式。

该座位于珍妮东部土展区的阿婆罗蜜瓜种植园，是在联邦土地发展局推动的“Sentuhan Kasih”社区计划下，所展开的其中一个项目。

阿末韩查此次为期两天的工作访问之行，也获得彭亨州农业、农基工业与生物科技委员会主席拿督斯里苏菲的陪同。较早时，他们也参观了位于巴洛希耐的河鱼养殖场等计划。最后一站则是来到珍妮东部2土展区，以便移交椰子幼苗。

# PUNCA IKAN 'LEMAS'

Kehadiran ledakan alga undang kerosakan insang pada ternakan

Kuala Lumpur

Kejadian ikan mati dan terapung di perairan Pulau Pinang dan Perak, baru-baru ini disebabkan kehadiran spesies plankton atau dikenali sebagai ledakan alga (*Cochlodinium* sp) yang tinggi.

Jabatan Perikanan Malaysia dalam satu kenyataan, berkata *Cochlodinium* adalah spesies plankton toksik terhadap banyak spesies ikan dan kerang-kerangan namun tidak memberi kesan kepada manusia.

Menurutnya, hasil ikan yang diternak di kawasan itu adalah selamat untuk dimakan.

"Tiada aduan membabitkan ikan laut liar dibuat kepada Jabatan Perikanan Negeri setakat ini. Ini berikutan ikan liar lebih mudah melarikan diri dari kawasan tercemar dengan ledakan alga *Cochlodinium*," katanya.

Menurut kenyataan sangkar

## Selamat dimakan, tidak beracun

**Georgetown:** Sumber ikan di perairan negeri ini adalah selamat untuk dimakan dan tidak beracun seperti ditakwa orang ramai menerusi video tular di laman sosial baru-baru ini.

Walaupun terdapat serangan ledakan alga (*algae bloom*) sehingga menyebabkan kematian ikan sangkar namun ikan liar yang dimakan tidak memberi kesan terhadap kesihatan manusia.

Pengarah Jabatan Perikanan Pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar berkata, alga *Cochlodinium* yang juga spesies plankton

hanya menyerang ikan yang diternak di dalam sangkar dan tidak membabitkan ikan liar.

Katanya, alga terbabit menumpang di insang ikan menyebabkan ia sukar bernafas lalu naik ke permukaan air sebelum mati.

"Menerusi kajian Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) mendapati kematian ikan hanya membabitkan dua spesies yang diternak iaitu ikan merah dan nyok-nyok dengan saiz yang sama," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

itu, berdasarkan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung, Pulau Pinang, ledakan alga itu adalah kejadian yang kerap berlaku di perairan pantai seluruh dunia setiap tahun.

Katanya, disebabkan ledakan alga, ikan terutama yang diternak di dalam

menyatakan kekurangan oksigen ekoran insang ikan tercemar, kerengsaan dan kerosakan tisu insang ikan.

Susulan kejadian itu, Jabatan Perikanan Malaysia menyarankan supaya penernak tidak menjual ikan tercemar ke laut atau ka-

wasan sangkar, dan ikan yang mati perlu dilupuskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Penernak juga dinasihat untuk memindahkan ikan ternakan yang terkena ledakan alga ke kawasan/petakan sangkar yang tiada ledakan serta bersedia menuai ikan jika kelihatan ikan kesesakan nafas bagi mengelakkan lebih banyak kerugian," katanya. - Bernama

Ikan liar lebih mudah melarikan diri dari kawasan tercemar dengan ledakan alga *Cochlodinium*

SIDEWALK  
menunjukkan video  
kematian ikan sangkar  
yang ditakwa beracun  
di perairan tercemar  
Perak dan Pulau  
Pinang. Screenshot  
tular di media sosial

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2020	BERITA HARIAN	40 INISIATIF PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)	2

# 40 Inisiatif Pelan Jana Semu

## Teras I Memperkasa rakyat RM13.2 bilion



- Program subsidi upah akari dilan-juatkan tiga bulan lagi dengan subsidi **RM600** setiap pekerja untuk majikan yang layak
- Pekerja sektor pelancongan dan sektor dalam senarai dilarang serta bercuti tanpa gaji, majikan boleh memohon subsidi upah

**RM5.3b**

- Menambah baik Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara di bawah PERKESO serta meningkatkan kerjasama dengan agensi pekerjaan swasta bagi padanan pekerjaan

- Insentif dari **RM600** hingga **RM1,000** sebulan **selama 6 bulan** kepada majikan yang memberi pekerjaan kepada penganggur, OKU dan pelatih industri

**RM1.5b**

- **RM2 bilion** untuk program peningkatan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran penganggur, belia

- Membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan perlindungan sosial kepada lebih 30,000 pekerja ekonomi gig serta bimbingan di bawah Program GLOW

**RM75j**

- Pengecualian cukai sehingga **RM5,000** bagi pekerja yang menerima peralatan ICT daripada majikan untuk bekerja dari rumah
- Pelepasan khas cukai sehingga

**RM2,500** untuk pembelian peralatan ICT persendirian

**RM800j**

- Bantuan kewangan dan pelepasan cukai kepada ibu bapa bekerja bagi perbelanjaan berkaitan penjagaan anak
- Geran *one-off* sehingga **RM5,000** bagi pengendali TASKA yang berdaftar di bawah KPWKM

**RM200j**

- Memperkenalkan MY30 : Pas perjalanan bulanan tanpa had berharga **RM30** sebulan bagi mengurangkan kos pengangkutan harian rakyat selama 6 bulan

**RM200j**

- Bantuan tunai *one-off* **RM300** kepada ibu tunggal, OKU dan sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah dan geran kepada NGO terpilih

**RM108j**

- Peruntukan **RM50 Juta** Skim Kesihatan PEKA **B40** bagi menampung perbelanjaan pembiayaan saringan kesihatan, bantuan alat pefahaman, rawatan kanser

- Internet percuma IGB dari 8 pagi hingga 6 petang bagi e-pembelajaran, persidangan video serta akses percuma tanpa had untuk laman web dan aplikasi COVID-19 seliaan kerajaan

**RM3b**



**RM5.3 bilion**  
Program subsidi upah

**RM1.5 bilion**  
Insentif kepada majikan beri peluang pekerjaan



**RM108 juta**  
Bantuan tunai *one-off* **RM300**

## Teras II Melonjakkan perniagaan RM14.8 bilion

- Menggalakkan penyertaan perusahaan mikro dan PKS dalam aktiviti e-dagang dengan bantuan latihan, subsidi dan sokongan jualan oleh penyedia platform

**RM70j**

- Shop Malaysia Online : Menggalakkan perbelanjaan dalam talian di platform e-dagang melalui kod promosi dan baucar diskaun

**RM70j**

- Bantuan geran dan pinjaman **RM700 juta** menggalakkan PKS dan syarikat di peringkat pertengahan ke arah pengilangan operasi

- MyAssist MSME : Pusat sehati menyediakan pelbagai khidmat nasihat bagi menyokong pertumbuhan perusahaan mikro dan PKS

**RM5j**

- Pembiayaan PKS PENJANA untuk memberi pembiayaan sehingga **RM500,000** bagi menyokong operasi perniagaan

**RM2b**

- **RM1 bilion** Pembiayaan Pelancongan PENJANA bagi menyokong PKS berkaitan pelancongan untuk beroperasi dalam normal baharu

- **RM400 juta** dana Pembiayaan Mikrokredit PENJANA oleh TEKUN dan BSN dengan **RM50 juta** dihususkan kepada usahawan wanita

- Pembiayaan mudah **RM500 juta**

melalui PUNI Bumiputera :

- Bantuan alibiayaan SME kelas G2 dan projek kecil

- Menggalak kerajaan (GLC) capatkan prd di sepanjang

- Melanjutkan perluas skop perbelanjaan COVID-19 ke bagi ujian sa PPE dan pen

- Mengurang syarikat meli perbelanjaan lewa jualan dan pr jutun bagi pe dan Elaun Mi

- Geran pada aktiviti Perus Enterprises)

- Rebat cukai setahun dan kepada PKS dan pemerol galakkan per



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2020	BERITA HARIAN	40 INISIATIF PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)	39

# 40 Inisiatif Pelan Ekonomi Negara (PENJANA)



## Teras III Merangsang ekonomi

RM7.1 bilion



dan MARA bagi syarikat yang terjejas

ran tunai menerusi pem-Bank untuk kontraktor G3 yang dianugerahkan kerajaan

**RM1.6b**

kan syarikat berkaitan (G) dan syarikat besar per-ises bayaran kepada PKS rantaian bekalan

tempoh dan mem-potongan cukai bagi berkaitan pencegahan pada syarikat, termasuk ingan serta pembelian gimbass suhu

**RM600j**

kan beban kewangan lui remisi penalti kepada t buat pembayaran cukai rkhidmatan serta pelan-ibagai potongan cukai ydal Dipercepatkan

**RM2.4b**

inan RM10 juta galakkan ahaan Sosial (Social

sehingga RM20,000 pengecualian duti setem bagi aktiviti percantuman ehan (M&A) untuk meng-lubuhan PKS baharu

**RM300j**

**RM600 juta**  
Potongan cukai pembelanjaan syarikat berkaitan PENJANA COVID-19



**RM2 bilion**  
Pembayaan PKS PENJANA

**RM1.6 bilion**  
Bantuan untuk kontraktor G2, G3

• Dana PENJANA Nasional RM600 juta bagi memacu proses pendigitalan perniagaan dan inovasi. Nilai dana dipadankan sama oleh pelabur tempatan dan antarabangsa

• National Technology & Innovation Sandbox dengan peruntukan RM100 juta diwujudkan bagi meneroka pertumbuhan teknologi dan inovasi dengan memberi kelonggaran peraturan bagi pengujian teknologi baharu

• Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui peningkatan pendigitalan perkhidmatan (contoh: proses mematkan setem)

**RM20j**

• Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia dengan saluran khas di platform digital bagi barangan dan perkhidmatan tempatan

**RM20j**

• ePENJANA : kredit e-dompet berjumlah RM50 yang dipadankan sama dengan baucer diskaun dan cashback RM50 bagi pembelian fizikal untuk warganegara berumur 18 tahun dan ke atas yang berpendapatan kurang RM100,000 setahun

**RM750j**

• Pengecualian duti setem Kempen Pemilikan Rumah bagi kediaman bernilai sehingga RM2.5 juta, pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah bagi individu sehingga Disember 2021 dan meningkatkan had pembiayaan bagi pemilikan hartanah ketiga bernilai lebih RM600,000 semasa tempoh kempen

**RM1b**

• Pengecualian Cukai Jualan 100% bagi kereta penumpang pemasangan tempatan dan 50% bagi kereta import

**RM897j**

• Pelanjutan waktu operasi UTC dan Klinik Kesihatan dalam normal baharu, di seluruh negara

**RM20j**

• Mempromosikan Malaysia destinasi pelaburan bagi syarikat luar negara untuk memindahkan lokasi perniagaan melalui pelbagai insentif seperti pengecualian cukai sepenuhnya sehingga 15 tahun

**RM50j**

• Menyokong industri pelancongan melalui pengecualian cukai pelancongan, pelanjutan pengecualian cukai perkhidmatan

**RM1.8b**

• Bantuan RM225 juta untuk sektor seni, budaya dan hiburan melalui MyCreative Ventures dan MDEC, serta kerjasama dengan sektor swasta bagi sokongan pemasaran, penyelesaian dan kandungan digital

**RM225j**

• RM350 juta bagi Skim Pembiayaan Mikro Agromakanan dan menggalakkan pertanian bandar

• Pengecualian duti eksport 100% ke atas minyak sawit mentah, minyak isirong sawit mentah dan minyak isirong sawit proses dari 1 Julai hingga 31 Disember 2020

**RM200j**

• Menggubal Rang Undang-Undang COVID-19 (Langkah Sementara) bagi pelepasan sementara obligasi kontrak dan mengelakkan insiden kebangkrutan kesan penularan COVID-19

• Terbitan Sukuk PRIHATIN bagi membolehkan rakyat terbabt dalam langkah pemulihan ekonomi. Pembiayaan bagi program pembangunan terpilih seperti perusahaan mikro, liputan jalur lebar di sekolah dan penyelidikan penyakit berjangkit



**RM20 juta**  
Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia

**RM750 juta**  
ePENJANA



**RM50 juta**  
Mempromosi Malaysia destinasi pelaburan



SABTU, 6 JUN 2020

3



Oleh Kamarulzaidi Kamis, Mohd Anwar Patho Rohman, Farihad Shalla Mahmud, Mohd Iskandar Ibrahim, Mahanum A Aziz, Mohd Zaky Zainuddin, Hazwan Faisal Mohamad, Alzahrin Alias, Mohd Nasaruddin Parzi, Latifah Arifin, Muhammad Yusri Muzarnir, Ahmad Suhael Adnan, Uah Hafiz Aziz, Fahmy A Rosli dan Serimah Mohd Sallehuddin  
bhnews@bh.com.my

# Pendekatan inklusif jana ekonomi

## 40 inisiatif tangani kesan krisis terhadap rakyat, negara

**Kuala Lumpur:** Kerajaan semalam mengumumkan pelan pemulihan ekonomi jangka pendek dikenali sebagai Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi menangani kesan krisis COVID-19 terhadap rakyat dan negara.

Pelan merangkumi 40 inisiatif bernilai RM35 bilion dengan tema 'Bersama Menjana Ekonomi' itu bermatlamat Memperkasakan Rakyat, Melonjakkan Perniagaan dan Merangsang Ekonomi.

Berucap mengumumkan pelan itu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata PENJANA adalah pendekatan yang inklusif dan holistik dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

Pelan bagi tempoh Jun hingga Disember ini adalah strategi kerajaan dalam fasa pemulihan daripada enam fasa atau '6R' untuk menangani cabaran COVID-19, bermula Ketegasan (Resolve), Ketahanan (Resilience), Memulakan semula (Restart), Pemulihan (Recovery), Memperkasa (Revitalize) dan Menyusun Semula (Reform).

Daripada RM35 bilion saiz keseluruhan PENJANA, sejumlah RM13.2 bilion atau 37.71 peratus diperuntukkan untuk memperkasakan rakyat; RM14.8 bilion (42.28 peratus) bagi melonjakkan perniagaan dan RM7.1 bilion (20.28 peratus) untuk merangsang ekonomi.

Daripada jumlah keseluruhan, sebanyak RM10 bilion adalah suntikan fiskal langsung daripada kerajaan, manakala yang lain adalah menerusi insentif cukai, sumber sedia ada dan sumber lain.

Perdana Menteri berkata, ketika ekonomi dunia bergelut menghadapi krisis yang terburuk sejak zaman Kemelesetan Ekonomi (Great Depression) pada tahun 1930-an, Malaysia tidak terkecuali.

"Saya ingin mengambil sikap berterus-terang mengenai kedudukan ekonomi negara kita. Seperti negara lain, Malaysia juga menghadapi cabaran agak getih," katanya.

Beliau berkata, kadar pengangguran di Malaysia adalah di paras 3.9 peratus atau sekitar 610,000 orang pada Mac 2020.

Mengikuti unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia pada 14 Mei 2020, kadar pengangguran negara dijangka meningkat kepada 5.5 pe-

ratu atau lebih 860,000 orang untuk keseluruhan tahun 2020.

Dengan mengambil kira situasi mencabar ini, Muhyiddin berkata, ekonomi Malaysia dijangka menengucup pada suku kedua tahun ini berikutan usaha membendung wabak COVID-19 yang masih dijalankan di peringkat global dan dalam negara.

Menyedari kebimbangan umum mengenai prospek pekerjaan dan kehilangan punca pendapatan, selain daripada kesukaran aliran tunai diadepi syarikat dan peniaga yang mana akan menjejaskan perbelanjaan swasta dan seterusnya ekonomi, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memperuntukkan hampir RM9 bilion yang akan memanfaatkan hampir tiga juta tenaga pekerja melalui beberapa inisiatif.

Pertama, perluasan Program Subsidi Upah bernilai RM5 bilion. Sejak diperkenalkan dalam Pakej PRIHATIN (RM250 bilion) dan PRIHATIN PKS Tambahan (RM10 bilion) sebelum ini, program subsidi upah telah disambut baik oleh pekerja dan majikan.

"Program tiga bulan ini berjaya menyelamatkan lebih 2.2 juta pekerjaan. Bagi membantu syarikat dalam tempoh peralihan pembukaan semula ekonomi, kerajaan akan melanjutkan subsidi upah ini tiga bulan lagi," katanya.

Pada 4 Mei lalu, kerajaan membenarkan pembukaan beberapa sektor bagi menjamin kelangsungan ekonomi negara.

Sehingga 2 Jun lalu, kira-kira 12.7 juta atau 63.5 peratus pekerja sudah mula bekerja berbanding 10.2 juta atau 67.2 peratus pada 17 Mei lalu.

"Alhamdulillah, pakej rangsangan ekonomi yang dilaksanakan

kerjaan sebelum ini berjaya menyelamatkan lebih 2.4 juta pekerjaan, mengurangkan beban aliran tunai hampir 11 juta rakyat serta memberi sokongan kepada lebih 300,000 syarikat. Pelaksanaan Pakej PRIHATIN masih berterusan pada masa ini," katanya.

Menerusi teras Memperkasakan Rakyat juga, kerajaan memperkenalkan beberapa inisiatif seperti menaik taraf Portal Khidmat Pekerjaan Nasional; Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan (RML5 bilion) yang akan memanfaatkan sehingga 300,000 pekerja; Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran (RM2 bilion) yang akan memberi faedah kepada sehingga 200,000 pekerja; Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi Gig; Insentif Pengaturanan Kerja Fleksibel; Subsidi Penjaja-

**Alhamdulillah, pakej rangsangan ekonomi dilaksanakan kerajaan sebelum ini berjaya menyelamatkan lebih 2.4 juta pekerjaan, mengurangkan beban aliran tunai hampir 11 juta rakyat serta memberi sokongan kepada lebih 300,000 syarikat.**

Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri

an Anak; Subsidi Pengangkutan Awam MY30; Skim Kesihatan PEKA B40 dan Perkhidmatan Internet untuk Pembelajaran dan Peningkatan Produktiviti.

Turut disediakan adalah Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas bernilai RM108 juta iaitu bantuan kewangan 'one-off' sebanyak RM300 bagi 150,000 OKU berdaftar, 150,000 Ipu tunggal yang berpendapatan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan dan berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Menyedari sektor perniagaan, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perniagaan mikro terkenas sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan 18 Mac lalu, yang mana kebanyakan sektor ekonomi ditutup hampir dua bulan dan berdepan cabaran aliran tunai, Perdana Menteri mengumumkan beberapa inisiatif untuk melonjakkan perniagaan.

"Dalam usaha mendorong perusahaan mikro dan PKS beralih kepada khidmat digital atau dalam talian, kerajaan bersama sektor swasta akan membiayai usaha berkenaan melalui geran padanan sebanyak RM140 juta. Peruntukan ini akan digunakan untuk sesi latihan, subsidi penjual dan bantuan penjualan," katanya.

Beberapa langkah turut diperkenalkan untuk membolehkan pekerja dan perniagaan mengekalkan operasi dan meningkatkan produktiviti mereka.

Antaranya Kempen e-Dagang bagi Perusahaan Mikro dan PKS bernilai RM70 juta untuk menggalak mereka beralih kepada digitalisasi perniagaan.

Perdana Menteri berkata, seca-

ra umum COVID-19 mengubah cara ekonomi beroperasi dan untuk terus menjadikan negara ini destinasi pelaburan utama, adalah penting memberitahu dunia bahawa ekonomi Malaysia tetap berdaya saing dan terbuka untuk perniagaan.

"Sehubungan itu, kerajaan akan mengumumkan beberapa pakej dan program pelaburan, insentif pengecualian cukai dan kemudahan pembiayaan yang inklusif," katanya ketika menjelaskan inisiatif di bawah teras ketiga iaitu Merangsang Ekonomi.

Turut diumumkan di bawah teras itu adalah Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia bertujuan menggalakkan penggunaan perkhidmatan dan barangan tempatan, sekali gus merangsang syarikat tempatan.

Langkah lain yang diumumkan untuk merangsang ekonomi, termasuk Pendidikan Penyediaan Perkhidmatan Kerajaan; ePENJANA; Insentif Sektor Hartanah; Sokongan Sektor Pelancongan; Insentif Cukai Pembelian Kereta; Pelanjutan Waktu Perkhidmatan dalam Norma Baharu; Sokongan Sektor Seni, Budaya dan Hiburan; Sokongan Sektor Pertanian dan Makanan serta Sokongan Sektor Komoditi.

Sementara itu, untuk menjadikan Malaysia destinasi pelaburan pilihan, kerajaan akan memperkenalkan insentif cukai bagi syarikat asing yang memindah operasinya di Malaysia.

Untuk membolehkan rakyat menyertai kerajaan menjana semula ekonomi negara, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan menerbitkan Suku Prihatin bernilai RM500 juta pada suku ketiga tahun ini. Bon Islam itu terbuka kepada orang ramai dan syarikat.

"Dengan bertemakan Daripada Rakyat, Kepada Rakyat", dana yang terkumpul ini akan disalurkan untuk membantu pembiayaan perniagaan perusahaan mikro, terutamanya usahawan wanita, penambahbaikan liputan internet jalur lebar di sekolah, terutama di kawasan luar bandar dan geran penyelidikan penyakit berjangkit," katanya.

Perdana Menteri yakin 40 inisiatif diumumkan kerajaan akan membantu usaha memulih dan merangsang ekonomi negara, meningkatkan semula keyakinan pelabur, peniaga dan rakyat.

Muhyiddin memberi jaminan semua pakej rangsangan ekonomi, termasuk di bawah PENJANA akan terus dipantau pelaksanaannya oleh Pasukan LAKSANA yang ditubuhkan di Kementerian Kewangan.



Pelan jana semula ekonomi negara bagi tempoh Jun hingga Disember adalah strategi kerajaan bagi menangani kesan krisis COVID-19. (foto hiasan)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2020	SINAR HARIAN	PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA	3

#RantaisKasih

PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA



# INISIATIF DI BAWAH PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA

40 INISIATIF BERNILAI **RM35 BILION**

**penjana**

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

**RM10 BILION**  
SUNTIKAN FISKAL LANGSUNG KERAJAAN

-  Bantuan kewangan dan pelepasan cukai kepada ibu bapa pekerja bagi perbelanjaan berkaitan penjagaan anak.
-  Geran sehingga RM5,000 bagi pengendali taska yang berdaftar di bawah KPWKM.
-  RM75 juta diperuntukkan bantu ekonomi gig.
-  Insentif RM600 - RM1,000 sebulan selama 6 bulan kepada majikan yang memberi peluang pekerjaan kepada penganggur dan pelatih industri.
-  Internet percuma sehingga 1GB dari 8 pagi hingga 6 petang setiap hari.
-  Bantuan tunai secara one-off sebanyak RM300 kepada ibu tunggal, OKU dan sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah dan geran kepada NGO terpilih
-  Memperkenalkan MY30 - pas perjalanan bulanan tanpa had berharga RM30 sebulan selama 6 bulan
-  Skim PEKA B40 akan diperkasakan dengan tambahan RM50 juta bagi membiayai saringan kesihatan dan kemudahan peralatan perubatan.
-  Pengecualian cukai sehingga RM5,000 bagi pekerja yang menerima peralatan ICT daripada majikan untuk bekerja dari rumah.
-  Waktu operasi di Pusat Transformasi Bandar (UTC) dilanjutkan dan diseragamkan berkuat kuasa 1 Julai ini.
-  Shop Malaysia online - Menggalakkan perbelanjaan dalam talian di platform e-dagang melalui kod promosi dan bawcar diskaun.
-  RM400 juta dana pembiayaan Mikrokredit Penjana oleh Tekun dan BSN dengan RM50 juta dikhususkan kepada usahawan wanita.
-  Pembiayaan mudah sebanyak RM500 juta melalui PUNB dan Mara bagi syarikat Bumiputera yang terjejas.
-  Melanjutkan tempoh dan memperluaskan skop potongan cukai bagi perbelanjaan berkaitan pencegahan Covid-19 kepada syarikat termasuk bagi ujian saringan serta pembelian PPE dan pengimbas suhu.

-  Pengecualian cukai jualan 100 peratus kepada penjualan kereta penumpang pemasangan tempatan dan 50 peratus bagi kereta penumpang yang diimport dari tempoh 15 Jun hingga 31 Disember depan.
-  Perniagaan di bawah Industri pelancongan diberikan penangguhan bayaran ansuran ke atas anggaran cukai yang kena dibayar dilanjutkan 3 bulan lagi mulai 1 Oktober-31 Disember 2020.
-  Peruntukan RM100 juta untuk tubuhkan National Technology and Innovation Sandbox yang akan diterajui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menguji cuba teknologi baharu.
-  Peruntukkan RM225 juta untuk menjana semula industri kreatif negara yang akan dilaksanakan melalui kerjasama antara MyCreative Ventures, MDEC dan pihak swasta.
-  Pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021.
-  Pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan dilanjutkan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021
-  Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021.
-  Kempen pemilikan rumah diperkenalkan semula.
-  Pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah diberikan kepada individu warganegara Malaysia ke atas pelupusan rumah kediaman yang dibuat mulai 1 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021.
-  Pengecualian 100 peratus duti eksport ke atas minyak sawit mentah, minyak Isirong sawit mentah dan minyak Isirong sawit yang diproses mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Dis 2020.
-  RM350 juta diperuntukkan untuk kemudahan pinjaman Dana Agrofood bagi memastikan kelangsungan pengusaha pertanian dan komoditi dalam sektor pertanian dan makanan.

# 'Micro-enterprises, SMEs to benefit from Penjana's initiatives'

→ From Page 3

"For example, individual income tax exemption of up to RM5,000 will be given to employees who receive a handphone, notebook or tablet from their employer."

The government will extend the Wage Subsidy Programme introduced under the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package by another three months, costing RM5 billion, to reduce layoffs.

"The three-month programme saved 2.2 million jobs. To help companies during the reopening of the economy, the government will extend this wage subsidy for three months," Muhyiddin said.

A Hiring Incentive Programme worth RM1.5 billion will be introduced to encourage hiring, which will benefit 300,000 job seekers through two initiatives.

"The first is to hire unemployed people aged below 40, with an incentive of RM800 per month per worker.

"The second is to hire unemployed people aged 40 and above and disabled persons with an incentive of RM1,000 per month per worker," Muhyiddin said, adding that the incentives would be provided for up to six months.

On childcare, several incentives, including a subsidy, will be provided to working parents during the Conditional Movement Control Order period to ease childcare expenses.

"E-vouchers will be provided for mobile childcare services until the end of August and there will be an increase in income tax relief for parents on childcare services expenses from RM2,000 to RM3,000," Muhyiddin said.

Incentives will be given to childcare centres to encourage compliance with new healthcare standard operating procedures (SOPs).

A one-off grant will be given to registered childcare centres besides incentives to train new practitioners for child nursing and early education.

More than 300,000 disabled persons and single mothers will receive a one-off financial aid of RM300.

Muhyiddin said the social assistance support for vulnerable groups would be distributed before Hari Raya Aidiladha.

He announced the Penjana GLC Community initiative, which aims to encourage government-linked companies to adopt a community and implement a social-economic development project with them.

He also introduced a PeKa B40 healthcare support initiative to support the healthcare needs of low-income groups, involving an



Taxi drivers listening attentively to Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin's speech in Seremban yesterday. PIC BY AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

allocation of RM50 million to fund health screenings and medical device assistance.

On transportation, the MY30 programme will see public transport users in the Klang Valley enjoy unlimited travel passes for RM30 per month, equivalent to about RM1 per day.

The government will extend its free IGB Internet data offer until Dec 31, available to the public from 8am to 6pm every day to ease access to education, news and video conferencing services.

The free data is offered by Maxis, Celcom, Digi, Telekom Malaysia, U Mobile, Tune Talk and Yoodo.

TM had previously announced that the free data plan would be extended for its Unifi Mobile customers until Aug 31.

## PROPEL BUSINESSES

Small- and medium-sized enterprises (SMEs) will gain various benefits from the Economic Recovery Plan (Penjana), Muhyiddin said, adding that based on feedback from the business sector, the government decided to help all businesses through several measures.

Muhyiddin said among the issues faced by business operators

were the decline in demand by customers and businesses' inability to fully utilise digital technology to generate online sales.

"To encourage micro-enterprises and SMEs to adopt digital or online services, the government, together with the private sector, will finance this through a matching grant of RM140 million.

"This allocation will go to training sessions, vendor subsidies and sales assistance. It will be spearheaded by MDEC (Malaysia Digital Economy Corporation) and selected e-commerce platforms.

"The government, in collaboration with private companies, will run the Shop Malaysia Online campaign to encourage people to shop online. Promotional codes and discount vouchers will be provided through e-commerce platforms," he said, adding that to start it off, the government would allocate RM70 million for this.

Muhyiddin said the government will continue to award grants and loans to SMEs and mid-tier companies to enable more companies to subscribe to or use digitalisation services.

He said this will amount to RM70 million.

"First, RM100 million in SME Digital Matching Grants will be provided in collaboration with telecommunications companies.

"Second, RM500 million under the SME Technology Transfor-

mation Fund will be provided as a simple loan.

"Third, RM100 million has been allocated for Smart Automation Grants, where eligible companies will receive up to RM1 million."

To ensure the sustainability of SMEs, he said, the banking sector will offer an additional RM2 billion through the Penjana SME Financing Scheme.

Applications for this scheme will begin from the middle of this month, with a limit of up to RM500,000 per SME.

For micro-enterprises, he said, the government will establish Penjana Microfinancing in collaboration with Bank Simpanan Nasional and Tekun Nasional for the financing of RM400 million, of which RM50 million will be dedicated to women entrepreneurs.

To strengthen Bumiputera involvement in business and to ensure sustainability in business and entrepreneurship, Muhyiddin said RM200 million will be offered through National Entrepreneur Corporation Bhd.

"In addition, RM300 million will be channelled to Mara (Majlis Amanah Rakyat) for Bumiputera entrepreneurs and relevant skills training institutes to obtain funding for working capital.

"To assist SMEs' cash flow, from July, SME Bank, through the SME-Go Scheme, will provide financing to 16,000 qualified G2 and G3

grade contractors who have received projects under Prihatin. For the benefit of contractors, no collateral or deposit is required."

A Penjana Tourism Financing Scheme worth RM1 billion will help finance transformation initiatives by tourism sector SMEs.

Muhyiddin said this was to ensure SMEs in the industry remained viable and competitive under the new norm in the face of the Covid-19 pandemic.

"Details of the fund will be announced by Bank Negara Malaysia in July."

## STIMULATE THE ECONOMY

The government will provide zero-rated tax incentives for 10 years for new investments in the manufacturing sector and fixed asset investment valued at RM300 million to RM500 million.

Muhyiddin said zero-rated tax incentives will be given for 15 years for new investments in the manufacturing sector and fixed asset investment of RM500 million.

These were among the initiatives listed under the short-term Economic Recovery Plan's (Penjana) third thrust, which involved stimulating the economy.

Muhyiddin said the move was intended to attract foreign companies to relocate to Malaysia, which will boost investment value and create more jobs.

→ Turn to Page 7





(From left) Mohd Ridwan Abu Samah, Muhammad Akmal Ahmad Asri and Mohd Nasir Abd Jalil, who are workers from the Bottom 40 group, watching the live telecast at their workplace in Melaka yesterday of Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin's speech on the Economic Recovery Plan. PIC BY IQMAL HAQIM ROSMAN

Freelance marketing consultant Mohamad Syamil Selamat, 26, however, felt the plan was mostly tailored to assist small and medium-scale enterprises.

"I'm not saying it is a bad thing, but I believe the government should focus on the people or consumers, as they are the ones who hold the purchasing power." Syamil, who was a marketing executive until he was retrenched during the first phase of MCO, believed Penjana was not catered to those who shared the same fate as him.

"While it is good to include re-skilling in the plan, encouraging people to spend more is rather contradictory for those who had just lost their jobs.

"Incentives such as crediting

RM50 to e-wallets to spur online shopping is not suitable at the moment."

For Mohd Rasyidan Ahmad, 25, Penjana would benefit many.

"There are good incentives laid out in the package, such as incentives to encourage the unemployed acquire more skills. And the free internet is good too. The amount of data might be low but it will help those in need."

Rasyidan, who runs an online shop and marketing services, welcomed discount vouchers as announced in the plan.

"Who does not want discounts? Even though the number of unemployment continues to rise, I believe with these discount codes might help them to buy essential needs at a lower price."

**PENJANA FOCUSES ON THE SHORT-TERM ECONOMIC RECOVERY FOR THE NATION**

1 RESOLVE	2 RESILIENCE
3 RESTART	4 RECOVERY
5 REVITALIZE	6 REFORM

**Slew of incentives for agro to tourism sectors**

» From Page 4

He said the incentives will be given to companies that want to relocate to Malaysia and operate within one year from the approval date, and a company's amount of investment must be continued for three years.

Existing foreign companies are eligible for tax allowance incentives of 100 per cent for five years.

Muhyiddin said the government will reintroduce its home ownership campaign to revitalise the property market and provide financial relief to home buyers.

The campaign will provide stamp duty exemption on the instruments of transfer and loan agreement for the purchase of residential homes priced between RM300,000 and RM2.5 million.

"The exemption on the instrument of transfer is limited to the first RM1 million of the home purchase price, while full stamp duty exemption is given on loan agreements for sales and purchase agreements signed between June 1 and May 31 next year, subject to at least 10 per cent discounts provided by the developer.

"Real Property Gains Tax exemption will be given to citizens for the disposal of residential homes from June 1 until Dec 31 next year," said Muhyiddin.

He said the current 70 per cent margin of financing limit applicable for a third housing loan onwards for property valued at RM600,000 and above will be lifted during the period of the home ownership campaign, subject to internal risk management practices of financial institutions.

Muhyiddin also announced a RM350 million allocation to provide financial relief for agriculture and food players affected by

the MCO.

The funds will go to an agrofood micro-credit financing fund to ensure sustainability in the agriculture and commodity sectors.

"The government will empower the agriculture workforce's mobility through incentives for pioneer companies to train and educate staff to explore opportunities in agriculture and plantations.

"In addition, the urban farming workforce will be provided with RM500 per person assistance and RM50,000 per community."

To support the commodities sector, the government will give 100 per cent export duty exemption from July 1 to Dec 31 this year to crude palm oil, crude palm kernel oil and refined bleached deodorised palm kernel oil players.

In addition, Malaysians will get RM50 in e-wallet credit through vouchers, cashbacks and discounts. The RM750 million initiative, which will benefit 15 million Malaysians, will start next month and aims to encourage safe and contact-free payment.

He said the government will also encourage the consumption of Malaysian products through the "Buy Malaysia" campaign.

Under the campaign, local product tagging or identification will be made compulsory for big supermarket chains, he said.

He said dedicated channels will be created for Malaysian products on major digital platforms.

The government will fully waive the sales tax for locally-assembled vehicles for a six-month period to help the local automotive sector recover from the Covid-19 crisis.

Under the Economic Recovery Plan (Penjana), the government will reduce the sales tax for fully-imported vehicles by 50 per cent from June to December.

Muhyiddin said the move was aimed at spurring the growth of the local automotive industry.

"The government has agreed to exempt sales tax by up to 100 per cent for completely knocked down passenger vehicles and 50 per cent for completely built-up cars from June 15 to Dec 31."

On tourism, he said efforts to revive the sector include a three-month extension from Oct 1 to Dec 31 for travel agents, hoteliers and airlines to enjoy a deferral of tax instalments.

The tourism tax exemption will last from July 1 to June 30 next year. There will be an extension of the service tax exemption for hotels until June 30 next year.

Muhyiddin said the income tax relief of RM1,000 for domestic tourism expenses had been extended to Dec 31 next year.

He said the Penjana Tourism Financing Scheme worth RM1 billion will help finance transformation initiatives by tourism SMEs. Details will be announced by Bank Negara Malaysia next month.

Other aspects of the "Stimulate the Economy" thrust include Dana Penjana Nasional (RM1.2 billion) for start-ups and local private sector Venture Capital funds; National Technology and Innovation Sandbox (RM100 million); Digitalisation of Government Service Delivery (RM20 million); Extended Service Hours in the New Normal (RM20 million); Malaysia as an Attractive Horizon for Businesses (RM50 million); Arts, Culture, Entertainment, Events and Exhibitions Sector Support (RM225 million); Commodity Sector Support (RM200 million); Proposed Covid-19 Temporary Measures Act which will benefit manufacturers and renters; and, Sukuk Prihatin (RM500 million).



Workers packing food products into boxes at the Mara Food Industry Complex in Kuala Lumpur yesterday. A RM350 million allocation will go towards providing financial relief for agriculture and food players affected by the Movement Control Order. PIC BY ASYRAF HAMZAH

Headline	Warisan janji perjuang isu tanah Kg Sg Damit		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	05 Jun 2020	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	186 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 395
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,185



## Warisan janji perjuang isu tanah Kg Sg Damit

**TUARAN:** Parti Warisan Sabah (Warisan) Tuaran akan berusaha sedaya upayanya untuk mempertahankan isu pendudukan tanah di Kg Sg Damit dan beberapa kampung berdekatan.

Penduduk tempatan mendakwa mereka menyuarakan masalah mereka kepada pentadbiran kerajaan sebelum ini namun tiada tindakan diambil.

Dalam satu mesyuarat baru-baru ini dengan penduduk Kg Sg Damit, setiasaha politik kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan berjanji untuk meneliti perkara itu dan menangani isu tersebut.

"Kerajaan negeri pimpinan Warisan adalah berbeza, kami mengutamakan keperluan rakyat untuk memastikan kemakmuran Sabah dinikmati oleh semua," kata Rakam Sijim yang juga Ketua Bahagian Warisan Tuaran.

Rakam berkata demikian apabila melakukan tinjauan di kawasan itu bersama dengan ahli Jawatankuasa Warisan Tuaran Rusnin Laseh, Ketua Kampung Kg Sg Damit Madil Hakim dan Ketua Cawangan Warisan Kg Sg Damit Edul Mulud, antara lainnya.

Rakam juga meluangkan masa untuk melawat beberapa kampung berdekatan iaitu Kg Sawah, Kg Bintangor dan Kg Pitas.

Difahamkan bahawa lebih 130 rumah di empat kampung itu termasuk kawasan tersebut telah diwartakan oleh sebuah agensi milik kerajaan, beberapa dekad lalu.

Selain daripada kampung-kampung itu, beberapa kampung berdekatan juga menghadapi masalah sama.

Rakam berjanji untuk berjuang bagi memastikan perkara itu sampai ke peringkat kerajaan dan memastikan hak-hak penduduk kampung dibela.

Sehubungan itu, katanya, beliau akan membawa perkara itu kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

Tanah tersebut telah diwartakan sebagai Skim Penempatan Getah di bawah Lembaga Industri Getah Sabah.

"Kami akan memastikan penduduk tempatan mendapat bantuan mengikut prosedur. Kami akan berjuang, memohon dan merayu supaya kerajaan menimbang untuk memperuntukkan kawasan itu sebagai penempatan penduduk.

Rakam menggesa penduduk memberi sokongan penuh dalam memberi maklum balas untuk memastikan isu itu selesai dengan baik.